

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 14/3/2016

Muka surat: 6

Tajuk : 550 sertai Persidangan Pelajar Kejururawatan UNIMAS



UNTUK ALBUM... Sebahagian daripada peserta menyertai Persidangan Pelajar Kejururawatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ketujuh merakam gambar kenangan.

550 sertai Persidangan Pelajar Kejururawatan UNIMAS

KOTA SAMARAHAN: Seramai 550 peserta menyertai Persidangan Pelajar Kejururawatan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-7 anjuran pelajar tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan universiti berkenaan.

Persidangan seliaan Pensyarah Kanan Jabatan Kejuru-

rawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS Saloma Pawi dirasmikan oleh Menteri Muda Kesihatan Awam Datuk Dr Jerip Susil.

Bertemakan "Connecting Quality, Safety And Staffing To Improve Nursing Outcomes" persidangan ini mendapat sambutan memberangsangkan.

Peserta terdiri daripada jururawat, tenaga pengajar serta pelajar daripada institusi awam dan swasta serta kolej jururawat daripada seluruh Sarawak, Sabah, Semenanjung Malaysia, Singapura dan Brunei.

Selain persidangan, gerai jualan juga diadakan bagi memeriahkan suasana.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat